

**PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH PENDIDIKAN SENI VISUAL  
SEKOLAH MENENGAH**

**CHE ALEHA BT LADIN**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
(PENDIDIKAN SENI)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2015**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah. Secara khususnya, kajian ini meneliti proses pelaksanaan, strategi yang digunakan dalam PBS dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual. Dalam kajian ini, pendekatan kajian kes kualitatif digunakan. Kajian dijalankan di dua buah sekolah menengah yang terletak di kawasan bandar dan luar bandar. Seramai sembilan orang peserta terlibat. Mereka terdiri daripada dua orang guru, empat orang pelajar, seorang pentaksir kawasan, seorang Ketua Pentaksir Negeri Perak dan seorang bekas Ketua Pentaksir Negeri Perak. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan interpretif. Hasil kajian mendapati PBS Pendidikan Seni Visual dilaksanakan mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dengan adanya proses pemantauan dan penyelarasan. Namun demikian, pelaksanaannya disesuaikan di peringkat sekolah dengan mengambil kira realiti dan persekitaran yang dibawa oleh pelajar. Guru juga telah mengaplikasikan pelbagai strategi pentaksiran autentik iaitu menyesuaikan matlamat pentaksiran, menekankan penguasaan pelajar, menggunakan kaedah pemerhatian, pentaksiran lisan, penerangan dan demonstrasi, penghasilan portfolio, produk dan rubrik penskoran. Strategi pentaksiran yang digunakan dapat menilai penguasaan pelajar secara menyeluruh meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Kajian ini juga mendapati pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual di sekolah-sekolah menengah terpilih di Malaysia mempunyai ciri-ciri pentaksiran autentik. Walau bagaimanapun, kejayaan PBS Pendidikan Seni Visual dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Aspek persediaan dan kecekapan guru, perbezaan latar belakang, minat dan sikap pelajar, kesahan dan kebolehpercayaan dalam pentaksiran, peranan pentadbir, kemudahan peralatan dan tempoh masa menjadi faktor dalam mencapai matlamat PBS Pendidikan Seni Visual.

## **SCHOOL-BASED ASSESSMENT OF VISUAL ART EDUCATION IN SECONDARY SCHOOL**

### **ABSTRACT**

The purpose of this study was to explore the implementation of School-Based Assessment (SBA) of Visual Art Education in secondary schools. In particular, this study examined the implementation process, the strategies adopted in the SBA, and factors that influenced the implementation of SBA for Visual Art Education. In this study, a qualitative case study approach was employed. The study was conducted in two secondary schools each located in an urban area and rural area. A total of nine participants were involved. They consisted of two teachers, four students, a district appraiser, a Chief Assessor and a former Chief Assessor for the State of Perak. Data was collected using interviews, observations and document analyses. The collected data was analyzed descriptively and interpretively. The results showed that SBA for Visual Art Education was conducted in accordance with the processes and procedures prescribed by the Malaysian Examination Board with the monitoring and coordinating processes adhered to. However, its implementation at the school level is adjusted to take into account the reality and the students' environment. Teachers also applied a variety of authentic assessment strategies that took into account the purpose of assessment, emphasizing student mastery using observation, oral assessment, explanation and demonstration, production of portfolio, product and scoring rubrics. The assessment strategies employed could assess students' overall competence and cover their cognitive, affective, and psychomotor domains. The study also found that the implementation of SBA of Visual Art Education in secondary schools in Malaysia has the characteristics of authentic assessment. However, the success of SBA for Visual Art Education was influenced by various factors. Aspects of teacher preparation and competence, diversity of backgrounds, interests and attitudes, the validity and reliability of assessment, the role of administrators, equipment facilities and the time frame were factors that influenced the achievement of the goals of SBA for Visual Art Education.

## KANDUNGAN

|                                                                      | <b>Muka Surat</b> |
|----------------------------------------------------------------------|-------------------|
| PENGAKUAN                                                            | ii                |
| PENGHARGAAN                                                          | iii               |
| ABSTRAK                                                              | iv                |
| ABSTRACT                                                             | v                 |
| KANDUNGAN                                                            | vi                |
| SENARAI JADUAL                                                       | xiii              |
| SENARAI RAJAH                                                        | xiv               |
| SENARAI SINGKATAN                                                    | xvi               |
| SENARAI LAMPIRAN                                                     | xvii              |
| <b>BAB 1            PENDAHULUAN</b>                                  | <b>1</b>          |
| 1.1    Latar Belakang Kajian                                         | 2                 |
| 1.2    Pernyataan Masalah                                            | 5                 |
| 1.3    Objektif Kajian                                               | 10                |
| 1.4    Persoalan Kajian                                              | 11                |
| 1.5    Kepentingan Kajian                                            | 11                |
| 1.6    Definisi Operasional                                          | 14                |
| 1.6.1    Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Pendidikan Seni Visual | 14                |
| 1.6.2    Pentaksiran autentik                                        | 15                |
| 1.6.3    Strategi                                                    | 17                |

## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

18

|        |                                                                          |     |
|--------|--------------------------------------------------------------------------|-----|
| 2.1    | Sejarah dan Perkembangan Pentaksiran                                     | 21  |
| 2.1.1  | Perkembangan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di luar negara               | 24  |
| 2.1.2  | Perkembangan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Malaysia                  | 29  |
| 2.2    | Kajian Berkaitan Pelaksanaan PBS                                         | 35  |
| 2.3    | Kajian Berkaitan Pentaksiran Autentik                                    | 47  |
| 2.4    | Teori Pembelajaran dan Pentaksiran                                       | 51  |
| 2.4.1  | Teori Konstruktivisme                                                    | 54  |
| 2.4.2  | Pembelajaran Masteri                                                     | 57  |
| 2.4.3  | Konsep Pentaksiran                                                       | 60  |
| 2.5    | Pengujian, Pengukuran, Penilaian dan Pentaksiran                         | 62  |
| 2.6    | Prinsip dan Kualiti Pentaksiran                                          | 69  |
| 2.7    | Prinsip Pentaksiran Pendidikan Seni Visual                               | 74  |
| 2.8    | Jenis Pentaksiran                                                        | 79  |
| 2.8.1  | Pentaksiran Sumatif                                                      | 82  |
| 2.8.2  | Pentaksiran Formatif                                                     | 83  |
| 2.8.3  | Pentaksiran Autentik                                                     | 85  |
| 2.9    | Pentaksiran Berasaskan Sekolah                                           | 91  |
| 2.9.1  | Komponen PBS                                                             | 93  |
| 2.10   | Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Seni Visual                    | 97  |
| 2.10.1 | Format PBS Pendidikan Seni Visual                                        | 98  |
| 2.10.2 | Objektif dan Rasional Pentaksiran Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual | 100 |

|        |                                             |     |
|--------|---------------------------------------------|-----|
| 2.10.3 | Peranan Guru Pembimbing                     | 102 |
| 2.11   | Strategi Pengajaran dan Pembelajaran        | 102 |
| 2.12   | Strategi Pentaksiran Pendidikan Seni Visual | 105 |
| 2.13   | Kerangka Konsep Kajian                      | 114 |
| 2.13   | Rumusan                                     | 119 |

### **BAB 3                    METODOLOGI KAJIAN                    122**

|       |                                            |     |
|-------|--------------------------------------------|-----|
| 3.1   | Pendekatan Kajian                          | 123 |
| 3.2   | Reka Bentuk Kajian                         | 125 |
| 3.3   | Pemilihan Tempat Kajian                    | 128 |
| 3.3.1 | Profil Sekolah A                           | 129 |
| 3.3.2 | Profil Sekolah B                           | 130 |
| 3.4   | Partisipan Kajian                          | 131 |
| 3.4.1 | Prinsip Pemilihan Partisipan               | 132 |
| 3.4.2 | Profil Partisipan                          | 136 |
| 3.5   | Pengumpulan Data                           | 144 |
| 3.5.1 | Pemerhatian                                | 145 |
| 3.5.2 | Temu bual                                  | 148 |
| 3.5.3 | Kajian Dokumen                             | 150 |
| 3.6   | Matrik Pengumpulan Data                    | 153 |
| 3.7   | Kebolehpercayaan Data                      | 154 |
| 3.7.1 | Kredibiliti (credibility)                  | 154 |
| 3.7.2 | Kebolehpindahan ( <i>transferability</i> ) | 156 |
| 3.7.3 | Kebolehgantungan ( <i>dependability</i> )  | 157 |

|              |                                                                                        |            |
|--------------|----------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.7.4        | Kebolehsahan (confirmability)                                                          | 158        |
| 3.8          | Proses dan prosedur pengumpulan data                                                   | 159        |
| 3.8.1        | Persediaan Penyelidikan                                                                | 160        |
| 3.8.2        | Proses Pengumpulan data                                                                | 162        |
| 3.8.3        | Selepas Pengumpulan Data                                                               | 167        |
| 3.8.4        | Membuat kesimpulan Kajian                                                              | 168        |
| 3.9          | Analisis Data                                                                          | 168        |
| 3.10         | Rumusan                                                                                | 174        |
| <b>BAB 4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>                                                                  | <b>175</b> |
| 4.1          | Bagaimanakah proses pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual sekolah menengah dilakukan? | 176        |
| 4.1.1        | Melantik guru pembimbing                                                               | 176        |
| 4.1.2        | Menghadiri Bengkel Penyelarasan Kerja Kursus Peringkat Daerah                          | 178        |
| 4.1.3        | Memberi taklimat kepada pelajar                                                        | 180        |
| 4.1.4        | Memilih tajuk kerja kursus yang sesuai                                                 | 183        |
| 4.1.5        | Mengumpul eviden                                                                       | 186        |
| 4.1.6        | Merekodkan skor                                                                        | 189        |
| 4.1.7        | Pemantauan dan penyelarasan                                                            | 193        |
| 4.1.8        | Pengesahan markah oleh pengetua                                                        | 199        |
| 4.1.9        | Pensijilan                                                                             | 199        |
| 4.1.10       | Menyimpan Dokumen PBS.                                                                 | 202        |

|         |                                                                                                                                                                |     |
|---------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.2     | Apakah strategi Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Seni Visual sekolah menengah yang dapat dikaitkan dengan pentaksiran autentik?                       | 206 |
| 4.2.1   | Strategi pengajaran dan pembelajaran PBS Pendidikan Seni Visual                                                                                                | 206 |
| 4.2.1.1 | Menentukan dan memaklumkan objektif pelajaran                                                                                                                  | 206 |
| 4.2.1.2 | Menekankan penguasaan pelajar                                                                                                                                  | 208 |
| 4.2.1.3 | Penerangan dan demonstrasi                                                                                                                                     | 212 |
| 4.2.2   | Strategi pentaksiran PBS Pendidikan Seni Visual                                                                                                                | 217 |
| 4.2.2.1 | Pemerhatian                                                                                                                                                    | 217 |
| 4.2.2.2 | Pentaksiran lisan                                                                                                                                              | 220 |
| 4.2.2.3 | Pentaksiran portfolio dan produk                                                                                                                               | 224 |
| 4.2.2.4 | Rubrik penskoran                                                                                                                                               | 238 |
| 4.3     | Apakah faktor-faktor yang dapat mempengaruhi pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Seni Visual dan hubung kaitnya dengan pentaksiran autentik? | 245 |
| 4.3.1   | Faktor Guru                                                                                                                                                    | 246 |
| 4.3.1.1 | Pengalaman                                                                                                                                                     | 246 |
| 4.3.1.2 | Latihan dan kemahiran guru                                                                                                                                     | 249 |
| 4.3.1.3 | Kefahaman guru mengendalikan PBS Pendidikan Seni Visual                                                                                                        | 252 |
| 4.3.1.4 | Pendekatan pengajaran guru                                                                                                                                     | 255 |
| 4.3.2   | Faktor Pentaksir                                                                                                                                               | 259 |
| 4.3.2.1 | Perlantikan pentaksir                                                                                                                                          | 260 |
| 4.3.2.2 | Tugas pentaksir                                                                                                                                                | 261 |
| 4.3.2.3 | Masalah pemantauan dan penyelarasan                                                                                                                            | 266 |
| 4.3.3   | Faktor Pelajar                                                                                                                                                 | 273 |
| 4.3.3.1 | Perbezaan pelajar                                                                                                                                              | 273 |
| 4.3.3.2 | Minat dan sikap pelajar                                                                                                                                        | 275 |

|         |                                 |     |
|---------|---------------------------------|-----|
| 4.3.3.3 | Faktor sendiri                  | 278 |
| 4.3.3.4 | Penguasaan dan penghayatan ilmu | 281 |
| 4.3.4   | Faktor Pentadbiran              | 288 |
| 4.3.5   | Faktor Masa                     | 292 |
| 4.4     | Rumusan                         | 295 |

## **BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN 298**

|         |                                                                                                                       |     |
|---------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1     | Perbincangan dapatan kajian                                                                                           | 298 |
| 5.1.1   | Persediaan guru sebagai pentaksir sekolah                                                                             | 300 |
| 5.1.2   | Kecekapan guru melaksanakan pentaksiran                                                                               | 301 |
| 5.1.3   | Perbezaan latar belakang, sikap dan minat pelajar                                                                     | 305 |
| 5.1.4   | Kesahan, kebolehpercayaan dan keautentikan dalam PBS Pendidikan Seni Visual.                                          | 313 |
| 5.1.5   | Konsep pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran PBS Pendidikan Seni Visual                                            | 317 |
| 5.1.5.1 | Memaklumkan matlamat pembelajaran                                                                                     | 318 |
| 5.1.5.2 | Prinsip Pembelajaran Masteri                                                                                          | 320 |
| 5.1.5.3 | Aktiviti artistik dan hasil kerja kreatif pelajar                                                                     | 322 |
| 5.1.5.4 | Kaedah pentaksiran Seni Visual                                                                                        | 325 |
| 5.1.6   | Isu-isu dalam pentaksiran                                                                                             | 330 |
| 5.1.6.1 | Pentaksiran untuk pembelajaran (assessment for learning) dan pentaksiran kepada pembelajaran (assessment of learning) | 330 |
| 5.1.6.2 | Rubrik pentaksiran dan gred                                                                                           | 332 |
| 5.1.6.3 | Kemudahan peralatan dan infrastruktur sekolah                                                                         | 335 |
| 5.1.6.4 | Kecairan maklumat                                                                                                     | 336 |

|         |                                                                         |     |
|---------|-------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1.6.5 | Isu pemantauan dan penyelarasan                                         | 337 |
| 5.1.6.6 | Tempoh masa pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual                      | 339 |
| 5.1.7   | Penglibatan pelbagai pihak dalam pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual | 341 |
| 5.2     | Implikasi Dapatan Kajian                                                | 344 |
| 5.2.1   | Implikasi terhadap profesionalisme guru                                 | 346 |
| 5.2.2   | Implikasi terhadap inisiatif pelaksanaan                                | 349 |
| 5.2.3   | Implikasi terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)                 | 352 |
| 5.3     | Rumusan                                                                 | 353 |
| 5.4     | Cadangan Kajian Lanjutan                                                | 357 |
|         | RUJUKAN                                                                 | 359 |




## SENARAI JADUAL

| Jadual                                                                                                   | Muka Surat |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1 Matrik Pengumpulan Data                                                                              | 153        |
| 4.1 Gred Pencapaian Calon (LPM,2008)                                                                     | 200        |
| 4.2 Kategori skor dan kriteria yang akan dicatatkan dalam<br>Sijil Kajian Rekaan Seni Visual (LPM, 2008) | 200        |
| 4.3 Kriteria dan Skor Pencapaian Pelajar P3(%)                                                           | 201        |
| 4.4 Kriteria Pencapaian Calon (Portfolio SPM) yang telah<br>ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia | 239        |
| 4.5 Petikan temu bual berkaitan tugas Ketua Pentaksir Negeri                                             | 262        |
| 4.6 Carta pelaksanaan KRSV SPM Sekolah A                                                                 | 292        |

## SENARAI RAJAH

| Rajah                             |                                                                                                                                           | Muka Surat |
|-----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 2.1                               | Perkongsian prinsip antara teori kurikulum, teori psikologikal dan teori pentaksiran berdasarkan paradigma konstruktivis (Shepard, 2000a) | 53         |
| 2.2                               | Model Pembelajaran Masteri                                                                                                                | 58         |
| 2.3                               | Perkaitan antara pentaksiran, pengujian, pengukuran dan penilaian (Nitko & Brookhart, 2007: 5).                                           | 67         |
| 2.4                               | Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah                                                                                                   | 93         |
| 2.5                               | Kategori pentaksiran di Malaysia                                                                                                          | 97         |
| 2.6                               | Kerangka konsep hubung kait antara Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan pentaksiran autentik                                          | 114        |
| 3.1                               | Proses dan prosedur kajian                                                                                                                | 160        |
| 3.2                               | Proses analisis data kualitatif (Creswell, 2008a: 244)                                                                                    | 171        |
| 4.1(a), 4.1(b), 4.1(c) dan 4.1(d) | Contoh portfolio yang dihasilkan oleh guru semasa pembinaan standard peringkat Daerah LMS.                                                | 180        |
| 4.2                               | Paparan menu Sistem Pentaksiran Kerja Kursus Pendidikan Seni Visual (SPKK)                                                                | 192        |
| 4.3                               | Sijil KRSV yang dikeluarkan kepada calon berdasarkan kriteria dan skor pencapaian calon (%)                                               | 202        |
| 4.4                               | Proses pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual peringkat sekolah menengah                                                                  | 205        |
| 4.5                               | Koleksi hidupan marin dan koleksi kasut kanvas                                                                                            | 226        |
| 4.6                               | Lakaran reka bentuk kasut kanvas dan catatan guru                                                                                         | 227        |
| 4.7                               | Lukisan realistik hidupan marin yang dihasilkan pelajar P3                                                                                | 228        |
| 4.8                               | Lukisan realistik hidupan marin yang dihasilkan pelajar P1                                                                                | 228        |

|                     |                                                                                                                                    |     |
|---------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.9                 | Proses kajian portfolio pelajar P3                                                                                                 | 229 |
| 4.10                | Lukisan dari tiga sudut pandangan berbeza                                                                                          | 231 |
| 4.11                | Proses mewarna latar kasut peringkat awal                                                                                          | 232 |
| 4.12                | Pandangan posisi produk kasut dari tiga sudut berbeza yang dihasilkan berdasarkan lukisan yang terdapat dalam portfolio pelajar P3 | 233 |
| 4.13(a) dan 4.13(b) | Penggunaan alat dan bahan dalam penghasilan portfolio dan produk                                                                   | 236 |
| 4.14                | Lukisan persembahan pelajar P3 dan pelajar P1                                                                                      | 236 |



## SENARAI SINGKATAN

|        |                                                       |
|--------|-------------------------------------------------------|
| FPK    | : Falsafah Pendidikan Kebangsaan                      |
| KPM    | : Kementerian Pendidikan Malaysia                     |
| LPM    | : Lembaga Peperiksaan Malaysia                        |
| JPNP   | : Jabatan Pelajaran Negeri Perak                      |
| PPDLMS | : Pejabat Pelajaran Daerah Larut Matang dan Selama    |
| PAJSK  | : Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum |
| PBS    | : Pentaksiran Berasaskan Sekolah                      |
| PSV    | : Pendidikan Seni Visual                              |
| PPsi   | : Pentaksiran Psikometrik                             |
| PP     | : Pentaksiran Pusat                                   |
| PS     | : Pentaksiran Sekolah                                 |
| SPM    | : Sijil Pelajaran Malaysia                            |
| KRSV   | : Kajian Rekaan Seni Visual                           |
| SPKK   | : Sistem Pentaksiran Kerja Kursus                     |
| KPN1   | : Ketua Pentaksir Negeri                              |
| KPN2   | : Bekas Ketua Pentaksir Negeri                        |
| PKw    | : Ketua Pentaksir Kawasan                             |
| TBGA   | : Temu bual guru A                                    |
| TBGB   | : Temu bual guru B                                    |
| TBPKw  | : Temu bual Ketua Pentaksir Kawasan                   |
| PmGA   | : Pemerhatian guru A                                  |
| PmGB   | : Pemerhatian guru B                                  |

## SENARAI LAMPIRAN

| <b>Lampiran</b>                                                | <b>Muka Surat</b> |
|----------------------------------------------------------------|-------------------|
| A Surat kebenaran menjalankan kajian daripada KPM              | 372               |
| B Surat kebenaran menjalankan kajian daripada JPN Perak        | 374               |
| C Surat kebenaran menjalankan kajian daripada PPD LMS          | 376               |
| D Surat Protokol Kajian                                        | 377               |
| E Surat kebenaran partisipan kajian                            | 379               |
| F Borang Catatan Pemerhatian                                   | 380               |
| G Borang Catatan Nota Lapangan– Pemerhatian Dokumen            | 382               |
| H Borang Panduan Temu Bual Guru                                | 383               |
| I Borang Panduan Temu Bual Pentaksir Kawasan /Pentaksir Negeri | 388               |
| J Contoh salinan transkrip temu bual guru                      | 391               |
| K Borang Markah Calon Individu (BMC/1)                         | 392               |
| L Borang Markah Calon (BMC/2)                                  | 393               |

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah. Kajian meliputi proses pelaksanaan, strategi pentaksiran dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan PBS. Kajian ini juga bertepatan dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) hendak mengubah sistem pentaksiran negara yang lebih berorientasikan peperiksaan kepada bentuk pentaksiran yang lebih diterima umum supaya dapat mengukur pencapaian sebenar pelajar.

PBS diperkenalkan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia, melahirkan masyarakat yang berdaya saing, mempunyai nilai moral yang tinggi dan relevan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat pendidikan negara.

Pelaksanaan PBS juga menjadi salah satu daripada matlamat Keberhasilan Utama Negara (NKRA), ke arah mentransformasikan pendidikan negara melalui pembentukan satu pentaksiran yang holistik. Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Najib Tun Razak, turut memberi perhatian terhadap bidang pentaksiran. Pentaksiran merupakan salah satu daripada sebelas anjakan untuk mentransformasikan sistem pendidikan. Cadangan tersebut memberi tumpuan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi melalui rombakan peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan iaitu peperiksaan dan pentaksiran mestilah berasaskan sekolah dan rujukan kriteria, bukan rujukan norma.

Bab ini membincangkan latar belakang kajian berkaitan pentaksiran dalam bidang Pendidikan Seni Visual. Turut dibincangkan ialah masalah-masalah yang timbul dalam pentaksiran. Ini diikuti dengan objektif kajian, persoalan kajian kepentingan kajian dan definisi operasional yang digunakan dalam tesis ini.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pentaksiran adalah proses atau kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat tentang pelajar, program atau objek (Beattie, 1997; Rayment, 2011), melibatkan proses mensistesis dan mentafsir maklumat untuk membantu membuat keputusan bilik darjah termasuklah pengurusan bilik darjah, pendidikan, pembelajaran dan rancangan pelajar (Airasian & Russell, 2008).

Dalam konteks pentaksiran di Malaysia, pentaksiran ialah proses untuk mendapatkan maklumat menyeluruh tentang perkembangan individu. Di samping itu, pentaksiran juga bertujuan melihat perkembangan pengajaran dan pembelajaran dalam pembangunan dan pembentukan modal insan yang berpengetahuan, berinovasi dan mempunyai nilai moral. Pentaksiran di Malaysia telah disesuaikan dengan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Kebangsaan iaitu seharusnya dapat mengukur, menggambarkan perkembangan dan pencapaian pelajar dalam semua aspek kognitif, afektif dan psikomotor (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Menurut Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2012) bagi memastikan pentaksiran yang dilaksanakan bersifat holistik, pentaksiran perlu melibatkan peperiksaan pusat dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS adalah satu pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS juga adalah sebagai satu pentaksiran autentik kerana ia mengukur prestasi pelajar secara menyeluruh dengan memberi penekanan terhadap perkembangan potensi individu secara holistik iaitu aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Menurut Mokhtar Ismail (2009), sebagai satu pentaksiran autentik, PBS akan menilai pelajar dalam konteks sebenar kerana menekankan kepada prinsip holistik, sepadu, seimbang dan fleksibel. Pelajar dapat diterapkan dengan pelbagai kemahiran meliputi kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran berfikir dan boleh

menyesuaikan ilmu yang dipelajari dengan situasi sebenar di luar konteks persekolahan.

Terdapat dua komponen PBS iaitu akademik dan bukan akademik. Komponen akademik terdiri daripada pentaksiran pusat dan pentaksiran sekolah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Kajian ini akan mengkaji pelaksanaan PBS daripada komponen akademik yang dilaksanakan di sekolah menengah dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). PBS Pendidikan Seni Visual di peringkat SPM dilaksanakan dalam bentuk kerja kursus yang dikenali sebagai Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV). Kerja kursus KRSV telah diperkenalkan sejak tahun 2004 di bawah kawalan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Tujuan dilaksanakan adalah untuk memupuk nilai keperibadian, kritis dan kreatif, celik budaya, berpengetahuan secara imaginatif, berkemahiran secara kolektif serta dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008). Pelajar dapat memperoleh pengalaman yang bermakna melalui kajian dan penerokaan dengan mengutarakan idea-idea kreatif dan relevan dengan keperluan persekitaran.

Walaupun telah lama dilaksanakan sejak tahun 2004, apakah pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual mempamerkan ciri-ciri sebagai satu pentaksiran autentik? Persoalan tersebut perlu dikaji kerana pelaksanaan PBS menimbulkan banyak isu seperti isu kesahan, kebolehpercayaan dan amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan PBS juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor guru, pelajar, pentadbiran, pemantauan dan penyelarasan (Tan, 2010). Menurut Raffan (2001), PBS adalah satu pentaksiran yang berkesan dan amat penting untuk

pendidikan, namun PBS juga sukar dijalankan, mengambil masa dan seringkali memerlukan kos yang tinggi.

Perkara penting antara pengajaran, pembelajaran dan proses pentaksiran ialah penekanan kepada ketulenan (*authenticity*), perlu menjadi budaya dalam pentaksiran yang dijalankan di bilik darjah (McMillan, 2007). Proses pentaksiran yang berlaku berdasarkan aktiviti yang sesuai, latar belakang dan pengalaman sebenar pelajar akan dapat meningkatkan pembelajaran dan memberi makna kepada pelajar. Pentaksiran yang berkesan membolehkan pelajar memperoleh ilmu yang bermanfaat merangkumi pengetahuan, pemahaman mendalam dan penyelesaian masalah. Pelajar diharapkan boleh mengaplikasikan ilmu yang dipelajari pada masa akan datang.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Pendidikan Seni Visual perlu dilaksanakan secara formatif dan sumatif dengan memberi fokus kepada prestasi pelajar dalam konteks pembelajaran. Pelaksanaannya juga perlu menyeluruh dengan melibatkan pentaksiran terhadap proses dan produk seni. Walau bagaimanapun, kefahaman yang kurang jelas terhadap pelaksanaannya menyebabkan penekanan kepada tujuan penghasilan produk seni visual menjadi keutamaan berbanding proses penghasilan. Ini menyebabkan pentaksiran yang berlaku tidak menyeluruh dan tidak bersifat autentik.

Proses pelaksanaan pentaksiran Seni Visual seharusnya dapat mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Walau bagaimanapun, menurut Mims (2003), pelaksanaan pentaksiran itu sendiri didapati tidak menggambarkan pengetahuan, kemahiran dan membawa keluar potensi pelajar secara sebenarnya melalui proses pentaksiran. Sebaliknya, sebahagian besar pentaksiran hanya untuk mengesahkan pembelajaran melalui pentaksiran (Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sindhu, 2010). Menurut Howard Gardner (1990), kebanyakan pelajar sekarang tidak faham apa yang mereka pelajari serta menganggap pembelajaran sekadar latihan dan jawapan sahaja. Sedangkan pada pandangan Piaget (1974) serta ahli psikologi lain seperti Vygotsky (1978), mereka percaya pelajar akan menjadi aktif apabila dapat menghubungkan ilmu pengetahuan baru yang mereka pelajari dengan dunia sebenar. Ini kerana tugas pentaksiran bukan sahaja dilakukan untuk mengesan penguasaan, mengesan kemajuan dan mengesan pencapaian (Mok Soon Sang, 2011) tetapi juga perlu mencerminkan aplikasi konteks dunia sebenar (Newmann & Wehlage, 1993; Wiggins, 1993).

Bidang Pendidikan Seni Visual berbeza dengan mata pelajaran lain di sekolah kerana melibatkan kandungan visual, kandungan verbal, proses artistik dan hasil kerja kreatif pelajar yang perlu dinilai secara menyeluruh. Menurut beberapa pengkaji barat seperti Eisner (1972), Victor Lowenfeld (1970), Lansing (1971) dan Efland (1977), matlamat mata pelajaran Pendidikan Seni di sekolah bertujuan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh, melahirkan bakat pelajar supaya dapat memahami nilai seni untuk dirinya, masyarakat, warisan seni budaya serta nilai-nilai estetika secara global, mengaitkan seni dengan kehidupan pelajar supaya pelajar dapat membuat pertimbangan dan penilaian yang terbaik untuk dirinya,

masyarakat dan budaya. Justeru, strategi pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang autentik seharusnya diaplikasikan bagi memastikan kualiti ilmu secara sebenarnya diterapkan dalam kalangan pelajar. Keberkesanan strategi yang dipilih dapat mencungkil minat pelajar untuk meneroka dalam menghasilkan karya seni visual yang berkualiti dan kreatif.

PBS Pendidikan Seni Visual dirancang, dipantau dan dikawal oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Namun perancangan di peringkat pusat perlu disesuaikan pelaksanaannya di peringkat sekolah kerana persekitaran dan latar belakang pelajar yang berbeza. Penyelarasan pelaksanaan dan skor yang diberi di peringkat sekolah yang diwajibkan juga adalah suatu bentuk standardisasi yang terpesong daripada kaedah pentaksiran autentik. Menurut Mokhtar Ismail (2009), dari segi amalan, PBS paling sukar diselaraskan seluruh negara kerana keputusan akhir peperiksaan bentuk ini mesti dipastikan ketekalan nya. Hasil pentaksiran guru perlu diselaraskan oleh pusat. Guru juga mempunyai tugas yang lebih berat dalam membuat pemarkahan. Masalah kawalan mutu produk perlu diberi perhatian apakah benar dilakukan oleh pelajar di kelasnya atau mengupah orang lain (Mokhtar Ismail, 2009). Perkara tersebut perlu diberi perhatian kerana dalam menjalankan proses pentaksiran, pelajar seharusnya dinilai secara telus bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki (Azizi, 2010) tanpa adanya tekanan dan kawalan dari pelbagai pihak.

Pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual memfokuskan kepada penghasilan portfolio dan produk seni. Ini kerana portfolio sering digunakan sebagai satu strategi pentaksiran yang berkesan (Lihanna Borhan, 2003; Puckett & Black, 2000). Menurut Janesick (2006), portfolio sebagai nilai pentaksiran autentik memerlukan

persembahan prestasi dan produk, menghubungkan dunia pengalaman pelajar, melibatkan pelbagai konteks tugas, kemahiran penyelesaian masalah dan memberi maklum balas secara berterusan. Walau bagaimanapun, penggunaan portfolio sebagai satu kaedah pentaksiran secara proses, mungkin hanya menjadi pameran, produk akhir untuk tujuan dinilai dan pemberian gred semata-mata. Ia boleh berbentuk tidak autentik kerana tidak meninggalkan kesan, tidak signifikan kepada guru, pelajar dan hubungan antara guru dan pelajar (Rennert-Ariev, 2005).

Kelemahan penghasilan portfolio juga dinyatakan oleh Abu Bakar Nordin and Bhasah Abu Bakar (2008) seperti masalah pemilihan bahan, kaedah penskoran, kesahan dan kecekapan pengendaliannya. Kajian yang dijalankan oleh Norazmiyrah Yahya (2011) juga mendapati penghasilan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti bantuan guru pembimbing kepada pelajar, peranan rakan sebaya, peranan pihak sekolah, faktor keluarga, kewangan, kesediaan diri dan faktor masa.

Guru Pendidikan Seni Visual berperanan sebagai guru pembimbing, pentaksir sekolah dan mengurus pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual. Sebagai pentaksir sekolah, guru perlu melakukan pentaksiran secara berterusan dan memaklumkan pencapaian semasa calon (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008). Justeru, kualiti diri seorang guru Seni khususnya pengetahuan dalam aspek penskoran dan kemahiran mereka mengendalikan pentaksiran boleh mempengaruhi pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual. Ini kerana faktor kesediaan guru, akauntabiliti guru, peranan pentaksir kawasan (Tan, 2010) dan tahap kompetensi guru (Brokhart, 2002)

khususnya cara melaksanakan pentaksiran seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran (Norizan Abdul Muhid, 2012) sering menjadi isu pelaksanaan PBS.

Pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat Sijil Pelajaran Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik, perbezaan kebolehan, sikap dan minat dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Menurut Tan (2010), pelajar yang cerdas atau lemah perlu diberi pendidikan mengikut kemampuan, kebolehan, dan kesesuaian latar belakang mereka. Kesiediaan mereka menjalankan aktiviti pembelajaran berdasarkan perkembangan mental terutama pelajar yang lemah perlu diambil kira.

Proses pentaksiran Pendidikan Seni Visual perlu berdasarkan keperluan pelajar, falsafah, matlamat dan objektif kurikulum pelajaran tersebut, menaksir apa yang telah diajar dan dipelajari oleh pelajar seterusnya menggunakan metodologi yang relevan dalam proses pentaksiran. Oleh yang demikian, pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual perlu mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu cukup tentang perkara yang ditaksir dan perkara yang ditaksirkan itu relevan dan sesuai selaras dengan falsafah dan huraian sukatan pelajaran (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011). Prinsip kesahan dan kebolehpercayaan menjadi perkara penting dalam menjalankan pentaksiran (Azizi Ahmad, 2010; Burke, 1992, 2005; Cotton, 1995; Darling-Hammond & McCloskey, 2008; McMillan, 2008) malah menjadi penentu kepada pentaksiran autentik. Menurut Hurwitz dan Day (2001), pentaksiran Pendidikan Seni Visual mesti dilakukan sepadan dengan objektif, dilaporkan secara jelas dan memberi makna kepada pelajar. Bagi meningkatkan kesahihan, pentaksiran perlulah diuruskan secara objektif, mengikut prinsip,